



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

04.02.2022

Surat berita mingguan, *The Observer* kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari www.mswg.org.my untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

❖ GLC masih mengundang kontroversi

Isu terkini yang melibatkan berbilion ringgit berkaitan Kapal Tempur Pesisir Pantai (*Littoral Combat Ship*, LCS) bernilai RM9 bilion yang mengaitkan Boustead Heavy Industries Corporation Berhad (BHIC) adalah tidak menghairankan kerana syarikat mempunyai sejarah berlakunya kos berlebihan selain kegagalan penyerahan mengikut jadual.

Pada Januari 2022, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (*Malaysian Anti-Corruption Commission*, MACC) telah menahan beberapa individu termasuk seorang ahli perniagaan, seorang pegawai BHIC serta seorang ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat untuk membantu siasatan berhubung projek LCS yang penuh kontroversi.

BHIC seterusnya menyatakan yang mereka akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM dan pihak berkuasa lain dalam apa jua siasatan berkaitan projek LCS. BHIC adalah anak syarikat 65% milik Boustead Holdings Berhad.

Jelas sekali, BHIC bukanlah syarikat berkaitan kerajaan (*government linked companies*, GLC) tersenarai pertama yang terlibat dalam dakwaan rasuah. Pada Jun 2017, bekas presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer*, CEO) FGV Holdings Berhad (FGV) iaitu Datuk Zakaria Arshad telah menggesa agensi pencegahan rasuah untuk menyiasat urusan niaga syarikat itu.

Ini berikutan arahan pengerusi FGV ketika itu iaitu Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad supaya Zakaria dan Ketua Pegawai Kewangan FGV, Ahmad Tifli Mohd Talha mengambil cuti untuk tempoh masa yang tidak ditentukan sementara menunggu siasatan berhubung dakwaan rasuah dalam anak syarikat kumpulan itu iaitu Delima Oil Products Sdn Bhd.

Menurut Isa, juruaudit luar FGV iaitu PricewaterhouseCoopers telah mendedahkan unsur rasuah dalam pembayaran yang diterima daripada sebuah syarikat

Afghanistan, Safitex General Trading LLC untuk produk minyak sawit yang dibekalkan oleh Delima Oil. Bagaimanapun, Zakaria menafikan penglibatannya.

Baru-baru ini, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Datuk Tengku Muhammad Taufik Tengku Kamadjaja Aziz telah memberi teguran dan amaran keras kepada kakitangannya berhubung soal rasuah berikutan siasatan yang menyaksikan pemecatan sembilan pegawai syarikat.

Pegawai itu dikatakan terlibat dalam satu skim haram berkaitan kontrak perkhidmatan dan penyelenggaraan di bawah projek subsidiari hulu PETRONAS selain urusan dengan kontraktor lama. Pegawai yang dipecat telah menerima bayaran tunai atau percutian yang dibayar ke lokasi eksotik yang ditanggung oleh para kontraktor PETRONAS.

Jangan lupa peristiwa yang berlaku pada Disember 2020 yang menyaksikan beberapa eksekutif Petronas Carigali Sdn Bhd terbabit dalam saman sivil yang difailkan oleh sebuah anak syarikat firma minyak dan gas hulu, Deleum Bhd.

Saman itu difailkan berhubung skim yang didakwa menipu Petronas Carigali berkaitan beberapa kontrak penyelenggaraan dan perkhidmatannya dengan Deleum Primera Sdn Bhd, sebuah syarikat 60% milik Deleum.

Indeks Persepsi Rasuah 2021 daripada Transparency International

Kesemua dakwaan rasuah dan kes yang dibuktikan perlu diambil kira dalam konteks penurunan kedudukan Malaysia sebanyak lima anak tangga dalam Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index, CPI*) yang dikeluarkan oleh Transparency International untuk tahun 2021. Malaysia menduduki tangga ke-62 daripada 180 negara dari sudut rasuah dalam sektor awam.

Malaysia memperoleh 48 daripada 100 mata dalam indeks ini, berbanding 51 mata pada tahun 2020. Pada tahun 2020, negara berada di kedudukan ke-57 manakala pada tahun 2019, ia menduduki anak tangga ke-51.

Presiden Transparency International Malaysia, Dr Muhammad Mohan mengaitkan skor yang rendah itu kepada:

- Kejadian politik wang yang berleluasa hatta sewaktu pilihan raya;
- Tiada kemajuan dalam pembaharuan kepada syor SPRM pada tahun 2015;
- Individu berprofil tinggi yang dilepaskan tanpa dibebaskan dalam kes-kes rasuah selain tiada tekanan politik yang berterusan daripada pelbagai pentadbiran untuk memerangi rasuah;
- Pelantikan ahli politik tanpa pengalaman untuk mengetuai syarikat berkaitan kerajaan (*Government Linked Companies, GLC*) serta rang undang-undang perolehan kerajaan yang masih belum dibentangkan di Parlimen (masih tertangguh);
- Perkembangan yang terlalu perlahan untuk pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 selain penemuan negatif dan kegagalan agensi kerajaan seperti yang dilaporkan dalam laporan tahunan Ketua Audit Negara; dan
- Tiada tindakan diambil terhadap pegawai kerajaan yang menyalahgunakan jawatan mereka.

Lagi campur tangan SPRM

Dalam perkembangan lain, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau SPRM (*Malaysian Anti-Corruption Commission, MACC*) juga telah menyiasat beberapa GLC berhubung urusan niaga yang mencurigakan.

Satu daripadanya ialah pengendali lapangan terbang iaitu Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). SPRM telah menyiasat kontrak Saringan dan Ujian COVID-19 MAHB pada Julai 2021. MAHB memaklumkan bahawa ia telah menerima arahan daripada SPRM untuk memberikan maklumat dan dokumentasi berkaitan kontrak tersebut yang telah dianugerahkan kepada BP Clinical Lab Sdn Bhd (BP Lab). Dilaporkan bahawa 31 syarikat menyatakan minat terhadap tender ini dan 17 syarikat telah mengemukakan dokumen tender.

Menurut MAHB, seramai 40,000 penumpang dijangka menggunakan kemudahan saringan dan ujian baharu itu dalam sehari, dengan kos bagi setiap penumpang antara RM60 hingga RM250 untuk rakyat Malaysia dan RM90 hingga RM350 untuk warga asing. Ini bermakna kemudahan ujian itu mampu menjana pendapatan antara RM2.4 juta dan RM14 juta setiap hari atau antara RM876 juta dan RM5.11 bilion setahun.

Pada Julai 2019, Telekom Malaysia Bhd (TM) pula diletakkan di bawah pengawasan SPRM kerana ada perkara yang tidak kena dalam pengambilalihan syarikat perkhidmatan wayarles Packet One Networks (M) Sdn Bhd (P1), sebuah anak syarikat milik penuh Green Packet Bhd pada tahun 2014.

Di bawah perjanjian ini, TM memperoleh 57% pegangan dalam penyedia perkhidmatan jalur lebar wayarles itu pada harga RM350 juta dengan tambahan RM210 juta suntikan modal melalui bon boleh tebus yang baru diterbitkan.

Pemerolehan perniagaan berintensif modal pada tahun 2014 itu ternyata memberi impak negatif terhadap prestasi TM apabila penyedia infrastruktur digital dan sambungan nasional itu mencatatkan kerugian suku tahunan pertama dalam tempoh 10 tahun iaitu dalam suku ketiga tahun kewangan 2018, yang menyaksikan peruntukan rosot nilai melonjak kepada RM934 juta termasuk untuk aset-aset berkaitan P1.

Prestasi risiko rasuah yang lemah

Menurut laporan bertajuk "*Ketelusan dalam Pelaporan Korporat: Penilaian terhadap 100 Syarikat Awam Tersenarai Teratas Malaysia*" yang dikeluarkan oleh Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (*Malaysian Institute of Corporate Governance, MICG*) pada November 2019, lapan daripada sepuluh syarikat awam tersenarai (*public listed companies, PLC*) yang mendapat markah terbaik di Malaysia dalam laporan ketelusan korporat ini terdiri daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Dalam laporan ini, markah yang tinggi dicatatkan terhadap aspek amalan pemberi maklumat, komitmen terhadap undang-undang yang berkaitan serta dasar pencegahan rasuah yang diaplikasikan kepada pekerja, pengarah dan pembekal. Walau bagaimanapun, komitmen syarikat awam tersenarai terhadap penilaian risiko rasuah, dasar berkaitan derma dan penajaan, komunikasi mengenai amalan antirasuah serta pemantauan program masih lemah.

Oleh yang demikian, penguatkuasaan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 1 Jun 2020 amat ditunggu-tunggu atas tiga sebab:

- Penalti iaitu denda tidak kurang daripada 10 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM1 juta yang mana lebih tinggi atau dipenjara sehingga 20 tahun, atau kedua-duanya sekali;
- Jika sesebuah organisasi didapati bersalah, orang yang merupakan pengarah, pengawal, pegawai atau rakan kongsi organisasi atau orang yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pengurusan organisasi pada masa kesalahan itu, dianggap telah melakukan kesalahan itu melainkan mereka boleh membuktikan bahawa perbuatan rasuah itu dilakukan tanpa persetujuan mereka atau dilakukan secara muslihat dan dia telah pun melaksanakan usaha-usaha yang wajar untuk mencegah kesalahan itu daripada berlaku; dan
- Jika disabit kesalahan, organisasi komersial berkenaan perlu membuktikan bahawa ia mempunyai prosedur yang mencukupi untuk menghalang individu yang berkaitan dengan organisasi daripada melakukan kesalahan tersebut.

Adakah GLC masih menjadi pelaburan pilihan?

Kita mengharapkan lebih lagi daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Sebelum ini, GLC menjadi pelaburan kegemaran dalam kalangan pemegang saham minoriti disebabkan hubungan mereka dengan kerajaan. Siapa lagi yang boleh dipercayai oleh pemegang saham minoriti jika bukan kerajaan? Sudah tiba masanya untuk GLC kembali bersinar dan meraih semula kepercayaan pemegang saham minoriti sebagai pilihan pelaburan yang boleh dipercayai, tanpa skandal mahupun persepsi sedemikian.

GLC sentiasa berdepan cabaran untuk mengimbangi tanggungjawab mereka kepada kerajaan dengan obligasi mereka kepada pemegang saham. Walaupun sesetengah GLC dapat menguruskan cabaran ini dengan berkesan, GLC yang lain tidak begitu bernasib baik. Pemegang saham minoriti perlu mengambil kira cabaran ini apabila membuat keputusan pelaburan yang melibatkan pelaburan dalam GLC.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 7 hingga 11 Februari 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
08.02.22 (Selasa) 10.00 pagi	Aemulus Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Aemulus meningkat dengan ketara tahun ke tahun sebanyak 216% kepada RM61.1 juta (tahun

		<p>keuangan 2020: RM19.3 juta) dan keuntungan selepas cukai (<i>profit after tax, PAT</i>) meningkat sebanyak 389% kepada RM10.5 juta berbanding kerugian bersih RM3.6 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Prestasi yang lebih baik ini disumbangkan oleh kejayaan pelaksanaan strategi pemulihan perniagaan. Selain itu, ia juga disumbangkan oleh pendapatan yang menggalakkan dari pasaran China dan negara-negara lain dunia, berikutan peningkatan permintaan terhadap peralatan ujian automasi (<i>automated test equipment, ATE</i>) selepas tercetusnya wabak COVID-19.</p>
11.02.22 (Jumaat) 10.30 pagi	Chin Teck Plantations Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Chin Teck meningkat 40.76% tahun ke tahun kepada RM182.7 juta (tahun kewangan 2020: RM129.8 juta), manakala keuntungan selepas cukai (<i>profit after tax, PAT</i>) meningkat 89.16% kepada RM68.1 juta (tahun kewangan 2020: RM36.0 juta). Ini terutamanya disebabkan oleh harga jualan purata yang jauh lebih tinggi bagi tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch, FFB</i>), minyak sawit mentah (<i>crude palm oil, CPO</i>) dan isirung sawit (<i>palm kernel, PK</i>) walaupun jumlah jualan adalah lebih rendah. Harga jualan yang tinggi ini dijangka berterusan untuk tempoh tertentu dan bakal menguntungkan Kumpulan pada tahun kewangan 2022.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
----------	----------------------------------

<p>Aemulus Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Aemulus memperoleh pendapatan dan keuntungan selepas cukai tertinggi pada tahun kewangan berakhir 2021, masing-masing berjumlah RM61.1 juta (2020: RM19.3 juta) dan RM10.5 juta (2020: Kerugian selepas cukai RM3.6 juta) sejak penubuhannya. Ini mewakili pertumbuhan yang luar biasa iaitu 216% dan 389% berbanding tahun kewangan berakhir 2020. Prestasi yang memberangsangkan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan jualan kepada pasaran China dan Negara-negara Lain Dunia, berikutan lonjakan permintaan untuk peralatan ujian automasi (<i>automated test equipment, ATE</i>) selepas penularan wabak COVID-19. (Halaman 26 hingga 27, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Memandangkan sebahagian besar pendapatan Kumpulan disumbangkan oleh pelanggan luar negara, sejauh manakah gangguan rantaian bekalan menjejaskan masa penghantaran produk Kumpulan kepada pelanggan?</p> <p>b) Apakah nisbah tempahan kepada bil semasa Kumpulan?</p> <p>c) Pasaran bahan mentah sedang mengalami kenaikan harga bagi memenuhi persamaan penawaran dan permintaan. Harga alat ganti mungkin akan melambung bagi memenuhi permintaan untuk penghantaran. (Halaman 35, Laporan Tahunan 2021) Jika harga bahan mentah terus meningkat, dapatkah Kumpulan menyalurkan kos tambahan kepada pelanggannya?</p> <p>d) Adakah prestasi kewangan Kumpulan yang cemerlang ini dapat diteruskan pada masa hadapan?</p>
<p>Chin Teck Plantations Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mengalami kerugian berjumlah RM5.1 juta daripada bahagian hasil pelaburan dalam ladang kelapa sawit di Indonesia untuk tahun kewangan 2021. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>(a) Adakah Kumpulan menjangkakan perkembangan positif dan tuaian yang lebih baik di ladang kelapa sawitnya di Indonesia?</p> <p>(b) Memandangkan harga jualan semasa yang kukuh untuk tandan buah segar, minyak sawit mentah dan isirung sawit, adakah Kumpulan menjangkakan usaha samanya di Indonesia akan menghasilkan keuntungan pada tahun kewangan berakhir 2022?</p>

--	--

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.